

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Program Pembangunan Sistem di Bawah Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris selaras dengan Malaysia Productivity Blueprint (SPPE 2.0) Bagi Tahun 2021.
TARIKH / TAHUN	:	Tahun 2021 (Jan – Dis 2021)
PERUNTUKAN	:	Tahun 2021 : RM100,000.00 (Bajet Pembangunan RMK12: SPPE)
JABATAN/ CAWANGAN/ UNIT	:	Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)
OUTCOME PROGRAM	:	1. Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). 2. Membangunkan syarikat PKS yang efisien dan efektif ke arah meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan organisasi melalui program digitalisasi.
PERUNTUKAN / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	RM100,000 (RMK12)
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS KANAN PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Tajuk:

Program Pembangunan Sistem di Bawah Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris selaras dengan Malaysia Productivity Blueprint (SPPE 2.0) Bagi Tahun 2021.

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini untuk memaklumkan dan mendapat pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan pelaksanaan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris selaras dengan *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE 2.0-MPB) dengan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi tahun 2021. Skim ini akan dilaksanakan di bawah bajet pembangunan yang telah diluluskan dalam Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Semasa Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), MPC telah menerima peruntukan bajet pembangunan bagi menjalankan program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) dengan jumlah peruntukan keseluruhan diluluskan sebanyak RM24 juta bagi tempoh 2017-2020.
- 2.2 Pada November 2020, MPC telah diluluskan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Selaras dengan *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE 2.0 -MPB). Peruntukan ini bagi kegunaan tahun 2021 selaras dengan bermulanya RMK12. Peruntukan ini merupakan kesinambungan daripada peruntukan terdahulu.

3.0 OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Membangunkan syarikat PKS yang menggunakan teknologi digitalisasi ke arah persediaan Industri 4.0
- 3.2 Meningkatkan kecekapan syarikat dalam pengurusan syarikat menggunakan aplikasi digitalisasi

4.0 OUTCOME PROGRAM

- 4.1 Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- 4.2 Membangunkan syarikat PKS yang efisien dan efektif ke arah meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan organisasi melalui program digitalisasi.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Agihan peruntukan mengikut fasa (bagi setiap syarikat yang menyertai) adalah sebagaimana permohonan kepada pihak EPU seperti **Lampiran 1**.
- 5.2 Projek ini melibatkan 3 fasa pelaksanaan seperti di **Lampiran 2** iaitu:
 - 5.2.1 FASA 1: Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik;
 - 5.2.2 FASA 2: Latihan & Intervensi dan
 - 5.2.3 FASA 3: *Post-Diagnostik*, Pemilihan syarikat contoh & perkongsian amalan terbaik.
- 5.3 Kriteria pemilihan syarikat bagi menyertai skim SPPE 2.0-MPB dan pemilihan syarikat adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 5.4 Bagi tahun 2021, jumlah syarikat yang disasarkan adalah sebanyak 5 syarikat PKS dengan peruntukkan bajet RM100,000. Pemilihan syarikat adalah dari Program SPPE 1.0 yang memenuhi kriteria seperti Komitmen Syarikat, penjimatan kos yang tinggi dan impak projek kepada syarikat.

6.0 TADBIR URUS SPPE 2.0

- 6.1 Pembekal perkhidmatan MPC akan digunakan dalam pelaksanaan aktiviti diagnostik dan program intervensi akan ditawarkan kepada pembekal menggunakan kaedah sebut harga rasmi.
- 6.2 Pelaksanaan pra-diagnostik (Fasa 1) dan post-diagnostik (Fasa 3) akan dilaksanakan oleh MPC dan/atau pembekal perkhidmatan bagi semua 5 syarikat.
- 6.3 Sistem tadbir urus bagi skim akan dijalankan secara telus dan efektif. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang diwujudkan.
- 6.4 Pelaksanaan pra-diagnostik dan post-diagnostik akan dilaksanakan samada oleh MPC atau pembekal perkhidmatan yang kompeten.

Sekiranya dilaksanakan oleh MPC, peruntukan per syarikat sebanyak RM2,000 akan menjadi hasil MPC sepenuhnya. Manakala sekiranya menggunakan perkhidmatan pembekal MPC, kadar bayaran per syarikat adalah sebanyak RM1,300. Baki peruntukan sebanyak RM700 tersebut akan dituntut sebagai hasil MPC

- 6.5 Sistem Tadbir Urus Pelaksanaan SPPE 2.0 adalah seperti di **Lampiran 4**.

7.0 PERUNTUKAN DAN UNJURAN PERBELANJAAN SPPE 2021

- 7.1 Perancangan dan unjuran perbelanjaan adalah sebagaimana maklumat di dalam **Lampiran 1**. Perancangan tersebut adalah bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai KPI ditetapkan. Tahap perbelanjaan akan dipantau secara bulanan dan prestasinya akan dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JKTP).

8.0 BIDANG INTERVENSI

- 8.1 Bidang intervensi yang menjadi fokus bagi SPPE (2.0): 2021 ialah Program Digitalisasi atau Intervensi berkaitan dengan Industri 4.0(I4.0). Kaedah pelaksanaan seperti di **Lampiran 5**.
- 8.2 Setiap penyelaras projek bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan tersebut dan *accountable* terhadap prestasi perbelanjaan masing-masing. Tahap perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan hendaklah dilaporkan kepada Sekretariat SPPE secara berkala.

9.0 PENUTUP

9.1 Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mengambil maklum dan meluluskan perkara berikut:

- a) Pelaksanaan SPPE 2.0 bagi tahun 2021 dengan menjalankan intervensi kepada 5 syarikat PKS terpilih dengan menggunakan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM100,000.

Disediakan oleh :



Kartin Haslinda Che Mat
Pengurus PACS

Disemak oleh :



Zaki Jaafar
Pengurus Kanan PACS

Disahkan oleh :



Rosmi Abdullah
Pengarah PACS

Tarikh : 11 Februari 2021

AKTIVITI DAN PECAHAN PERUNTUKAN SPPE 2.0

Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM)
FASA 1: Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik		
1	Pemilihan Syarikat / <i>Engagement</i> / Promosi	
2	Pra-Diagnostik@RM2,000@5Syarikat	10,000
FASA 2: Latihan & Intervensi		
3.	Latihan & Intervensi bagi 5 Syarikat@RM12,000 (Kursus dan Lawatan Perundingan) 1. Pembelajaran sepanjang hayat 2. Program Intervensi	10,000 50,000
FASA 3: <i>Post-Diagnostik</i>, Pemilihan Syarikat Contoh & Perkongsian Amalan Terbaik		
4.	<i>Post-Diagnostik</i> @RM2,000@5Syarikat	10,000
5.	Pemilihan syarikat contoh dan perkongsian amalan terbaik	20,000
Jumlah Peruntukan Setiap Syarikat (RM)		100,000

Fasa Pelaksanaan Program SPPE 2.0-MPB 2021

CARTA PERBATUAN 2021

AKTIVITI	2021											
	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
1. MENGENALPASTI & PEMILIHAN SYARIKAT												
2. PROSES PEROLEHAN												
3. AKTIVITI PENILAIAN PRA BE												
4. AKTIVITI INTERVENSI												
5. AKTIVITI PENILAIAN POST BE												
6. PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK												

*BE=BUSINESS EXCELLENCE

FASA 1 (Pra-Diagnostik):

- Enterpris akan melalui diagnostik projek peningkatan produktiviti dan inovasi.
- Proses *engagement* dan pemilihan.
- Pra-diagnostik menggunakan kaedah BE

FASA 2 (Intervensi):

- Pelaksanaan aktiviti intervensi dan pemantauan kemajuan projek.
- Intervensi mengikut bidang (contoh: penambahbaikan proses, teknologi dan digitalisasi).

FASA 3 (Pengukuran dan Syarikat Contoh):

- Pengukuran tahap pencapaian produktiviti dan inovasi.
- Post-Diagnostik (BE)
- Pemilihan syarikat contoh (berdasarkan kriteria yang ditetapkan)
- Perkongsian amalan terbaik.

1.0 Kriteria Pemilihan Syarikat bagi Menyertai Program SPPE 2.0-MPB

- a. Syarikat adalah berdaftar dengan SSM;
- b. Memiliki lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan telah menjalankan operasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- c. Mempunyai minat yang mendalam dan bersetuju menyertai skim;
- e. Syarikat Contoh yang dipilih dari Program SPPE 1.0
- f. Bersetuju untuk menyertai program perkongsian amalan terbaik; dan
- g. Syarikat perlu mengemukakan Surat Setuju Terima (SST).

2.0 Kriteria Pemilihan Syarikat Contoh bagi SPPE 2.0-MPB

- a. Kadar pertumbuhan produktiviti melebihi purata industri;
- b. Pencapaian cemerlang dalam indikator prestasi operasi;
- c. Markah Post-Assessment BE melebihi 600;
- d. Menunjukkan daya saing yang tinggi.

Sistem Tadbir Urus Pelaksanaan SPPE-MPB

1. Jawatankuasa Pemandu bagi menentukan halatuju dan pemantauan aktiviti SPPE 2.0.
2. Jawatankuasa Teknikal (Pemilihan, Pemantauan & Pelaporan) untuk memilih syarikat peserta, memantau dan melapor kemajuan projek kepada J/K Pemandu, Agensi Pusat, Lembaga Pengurusan MPC dan J/K Tindakan Pembangunan MPC dan bermesyuarat pada kekerapan 4 kali setahun.

Program Intervensi SPPE 2.0-MPB

Program Intervensi Digitalisasi Menuju Revolusi Industri 4.0 Di Bawah Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris 2.0 melibatkan:

1.0 Peringkat 1 – Diagnosis

- a. Lawatan & perbincangan bersama pihak syarikat bagi mengenal pasti dan mendapat persetujuan proses/projek digitalisasi yang akan dilaksanakan. Perlu dilakukan di tempat syarikat yang terpilih kerana ingin mengenal pasti faktor:
 - i. capaian internet
 - ii. sekuriti siber
 - iii. *cloud computing*
 - iv. sumber elektrik bagi tujuan pemasangan alat peranti & *sensors* dan seumpamanya.

2.0 Peringkat 2 – Rekabentuk & Pembangunan Solusi

- a. Mereka bentuk solusi penyelesaian bagi projek digitalisasi yang telah dikenal pasti. Membangunkan solusi projek digitalisasi yang mungkin melibatkan:
 - i. pengaturacaraan (*programming*)
 - ii. integrasi sistem (*system integration*)
 - iii. penggunaan IOT dan *sensors* (jika berkaitan) atau
 - iv. pembangunan sistem (jika berkaitan)
 - v. penggunaan ruang server bagi menyimpan data (langganan untuk setahun sahaja)
 - vi. pembangunan & analisis data
 - vii. 'Set up' sistem (*Test Run*, *Debug* dan *Upgrade*)

3.0 Peringkat 3 – Pemasangan, Latihan Dan Pemantauan

- a. Pemasangan akan dilakukan setelah solusi digitalisasi diperkemas dan ditambah baik. Proses pemasangan melibatkan:
 - i. Pemasangan alat peranti dan penggunaan sumber elektrik
 - ii. Penyambungan sistem digitalisasi kepada capaian internet
 - iii. Penyambungan sistem digitalisasi kepada cloud computing
 - iv. Penghasilan analitik data dan menganalisis data
 - v. Latihan penggunaan sistem solusi digitalisasi
 - vi. Pemantauan berterusan selama 10 hari
 - vii. Debug, penambahbaikan dan Final User Acceptance Test
 - viii. Penyerahan sistem solusi digitalisasi kepada syarikat
 - ix. Perkhidmatan sokongan selepas pemasangan selama 1 tahun Keseluruhan.